

# Maklumat soal selidik responden dijaga kerahsiaan

PUTRAJAYA - Jabatan Perangkaan memberi jaminan maklumat yang diberikan isi

rumah terpilih dalam Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah

2014 pada tahun ini akan dirahsiakan.

Ketua Perangkaan, Datuk

Dr. Abdul Rahman Hasan (gambar) berkata, responden tidak perlu takut memberi maklumat kerana setiap anggota yang melaksanakan tugas tertakluk di bawah Akta Perangkaan 1965.

"Mereka mempunyai tanggungjawab untuk memastikan maklumat yang dikumpul akan dijaga kerahsiaannya dan tidak boleh dilepaskan kepada se-siapa," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Menurut Abdul Rahman, jika terdapat keraguan, orang ramai boleh meminta pegawai yang bertugas menunjukkan surat pengenalan diri dan kad kuasa, malah menelefon Pejabat Perangkaan negeri untuk pes-nesahan.

Kata beliau, responden perlu memberikan maklu-

mat dengan tepat supaya perancangan negara dapat dilaksanakan dengan baik.

"Penyiasatan kali ini melibatkan seramai 84,000 isi rumah iaitu satu peratus daripada isi rumah di Malaysia, meliputi semua negeri dan semua daerah pentadbiran," ujarnya.



TARIKH: 13 OGOS 2014  
ALAMBAR : KOSMO